



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

PERCHUMA

TAHUN 23 BILANGAN 39

RABU 27HB. SEPTEMBER, 1978.

رابو 24 شوال 1398

MAJLIS KHATAMAL KOR'AN BAGI PENUNTUT2 MPUSB

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkihah telah berangkat ka-Majlis Khatamal Kor'an bagi penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Sabtu lalu.

Majlis Khatamal Kor'an bagi 13 orang penuntut itu telah diadakan di-Surau Maktab tersebut. Pengetua Hal Ugama, Y. B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin dan lain2 pembesar negara juga turut hadir di-majlis tersebut.

Majlis tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bersempena hari keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

Ini ada-lah Majlis Khatamal Kor'an yang kedua di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Majlis yang pertama telah diadakan pada 1hb Ogos yang lalu ia-itu bersempena menyambut ulang tahun ke-10 Perpustakaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Gambar kanan kelihatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkihah sedang menabur bunga rampai kepada penuntut2 yang menjalani Khatamal Kor'an pada hari itu.



P'jaya Tinggi British meninggalkan Brunei

BERAKAS. — Awang James Davidson yang telah menamatkan perkhidmatan-nya sa-bagai Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei telah bertolak meninggalkan Brunei pada hari Rabu minggu lalu.

Sa-jurus sa-belum bertolak, satu upacara sa-bagai penghormatan terakhir telah di-adakan di-lapangan terbang antarabangsa Brunei di-mana beliau telah menerima tabek dan memereksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari satu pasukan kawalan Askar Melayu Diraja Brunei.

Antara yang turut berada di-lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar kepada Awang Davidson ia-lah Penasehat Ummom

Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abd Momin, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin (kelihatan dalam gambar bawah) dan lain2 pembesar negara.

Awang Davidson telah berada di-negeri ini sa-lama empat tahun. Sa-telah berchuti di-United Kingdom, beliau akan di-lantek menjadi Governor Kepulauan Virgin.



Sikap penuntut2 yang tidak mematuhi peratoran lalu-lintas di-tegor

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad bin Haji Jumat telah menegor sikap kebanyakan murid2 dan penuntut2 yang tidak memperdulikan peratoran2 yang mesti di-hormati oleh mereka ketika menggunakan jalan-nya.

Beliau menyatakan bahawa

jumlah murid2 dan penuntut2 seluruh negeri ada-lah lebih dari 40 ribu orang ia-itu sa-suku dari jumlah penduduk negeri ini dan merupakan jumlah yang terbesar sekali menggunakan jalan raya.

Keadaan ini ada-lah membimbangkan beliau dalam hubungan mengurangkan kejadian2 kemalangan di-jalan2 raya, tetapi merasa yakin yang kemalangan2 itu akan berjaya di-kurangkan kiranya jumlah mereka yang terbesar itu patoh kepada peratoran2 dan undang2 lalu-lintas.

Berucap ketika merasmikan Peraduan Permainan Lalu-Lintas anjoran Sharikat Minyak Shell yang berlangsung di-sini hari Ahad lepas, Awang Ahmad juga menegor sa-tengah2 murid dan penuntut yang enggan menggunakan jejatas yang telah di-sediakan di-kawasan2 persekolahan.

Mereka yang enggan berbuat demikian, kata-nya, ada-lah di-sifatkan beliau sa-bagai lebih mengkehendaki bahaya dari keselamatan diri mereka sendiri.

Awang Ahmad mengingatkan bahawa kemalangan jalan-nya merupakan wabak yang merbahaya dan membimbangkan yang sangat perlu di-usahakan untuk menghindarkan-nya.

Sa-lain dari mengakui yang kechuaian menjadi punca besar berlaku-nya kemalangan, Awang Ahmad juga menegor sikap lalai di-kalangan ibu-bapa2 dengan tidak memperdulikan anak2 mereka bermain di-jalan raya.

Mengalut2kan peraduan yang



Awang Ahmad bin Haji Jumat

di-anjarkan oleh Sharikat Minyak Shell itu, Awang Ahmad berpendapat bahawa peraduan tersebut ada-lah memberi pengajaran2 yang penting bukan sa-ja kepada murid2 dan penuntut2, bahkan orang ramai.

Peraduan itu, kata-nya, amat jelas di-tujukan untuk menanamkan kesedaran bagi melateh diri supaya mematuhi peratoran2 atau undang2 yang telah ditetapkan dan bertata-tertip ke-

Lihat muka 16

Orang2 buta akan di-rai'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang2 buta akan di-rai'kan di-satu majlis jamuan Hari Raya yang akan berlangsung di-Pusat Belia petang ini.

Majlis itu ada-lah di-anjarkan oleh Persatuan Palang Merah Daerah Brunei dan Muara.

Oskar rebutan Kejohanan Golf Terbuka

DUA buah oskar rebutan bagi Perlakuan Kejohanan Golf Terbuka yang di-anjarkan oleh Persatuan Golf Negeri Brunei telah di-sediakan bagi pemenang2 yang akan menyertai perlakuan itu.

Oskar2 tersebut sa-buah dari-nya telah di-anugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi kejohanan peserta lelaki manakala yang satu lagi di-hadiahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pg Haji Ismail, Menteri Besar Brunei bagi kejohanan peserta perempuan.

Lihat muka 16

BERJIHAD dalam melaksanakan kewajiban adalah merupakan sifat TAQWA, kerana ia adalah perjuangan untuk menegakkan kesucian Ujama Allah (ISLAM) yang sa-memang-nya telah di-akui dan di-jadikan oleh kita semua sa-bagai satu landasan pada meniti dan menuju kesempurnaan hidup masyarakat Negeri Brunei Darussalam ini.

TAQWA dalam ertikata yang biasa kita dengar ia-lah bagi mengawal umat Islam dari melakukan sesuatu yang di-larang dan di-tegah oleh Allah, sebak-nya hendak-lah sentiasa mendampingi sesuatu yang berkebaikan lagi di-redhai-Nya. Pendekata dalam taqwa—kita berjihad memerangi perkara2 mungkar dan beramal melakukan yang maaruf.

Mempertahankan kesentosaan, keharmonian dan kebahagiaan masyarakat serta menstabilkan dan mengagongkan kedaulatan negara kita yang dalam proses menuju matalamat kemerdekaan-nya ketika ini ada-lah menjadi tanggung-jawab kita semua terutama-bagi umat Islam untuk menanai-nya.

Saperti yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan dalam khutbah Hari Raya yang baru lalu di-Perkhemahan Bolklah bahawa sa-bagai anggota bersenjata yang di-tugaskan untuk mempertahankan keselamatan, mereka mempunyai peranan tertentu dalam menuju kemerdekaan negara di-samping mempertahankan kedaulatan-nya.

Untuk itu, dalam menentukan peranan demikian kita memerlukan asas pada mengukuhkan pendirian, menumpukan ketaatan, menyandarkan kehidupan yang melingkongi dan mengawal segala aspek kehidupan kita.

Dalam hal ini ada-lah menjadi kerugian kepada



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

27HB SEPTEMBER, 1978

TAQWA: PERIMBANGI KEKUATAN DZAHIR DAN BATHIN

diri kita malah bangsa, ugama dan negara akan turut kechewa sa-andai-nya kita berpegang kepada bentuk asas yang tidak kukuh dan pandai berubah2 saperti unsur2 demokrasi, kapitalis dan sebagai-nya yang di-chipta dan di-ujudkan oleh otak manusia.

Sa-balek-nya akan merupakan suatu kemenangan kepada kita semua andai-nya dalam melaksanakan kewajiban itu kita berpegang tegoh dan erat dalam unsur2 Islam sa-bagai asas yang tidak boleh di-dolak-dalek dan di-tindeh2 oleh anasir2 yang mudah memusnahkan saperti yang terdapat dalam bentuk2 yang berubah2 dan tidak kuat itu tadi.

Ini ada-lah penting, kerana tanpa kekuatan yang chukop kita akan musnah, maka dengan bersandarkan asas yang kuat bererti kita akan terus berdiri tegak dengan bangga-nya, sebab ASAS ada-lah merupakan tulang belakang, saperti mana juga

dengan berdiri-nya sa-buah rumah atau bangunan —kalau tidak mempunyai kekuatan tulang2 yang kuat, rumah atau bangunan itu tidak akan dapat berdiri dan ujud, kalau pun dapat, maka pasti ia tidak akan tahan lama.

Pun begitu dalam memainkan peranan demikian rasa-nya tidak-lah chukop untuk kita serahkan bulat2 kepada anggota pasokan keselamatan sahaja, malah kita sa-bagai raayat, kaki-tangan dan pegawai2 kerajaan yang bernaong di-lindungan panji2 kedaulatan dan kemegahan Brunei Darussalam ini perlu-lah bersama2 berganding bahu dan berpimpin tangan, agar yang berat akan sama2 kita pikul dan yang ringan sama2 kita jinjing.

Justeru itu dalam menghadapi saat2 kemerdekaan negara itu, "tidak ada ketaatan yang lebih setia, pendirian yang lebih tegap dan kehidupan yang lebih adil untuk kita persembahkan kepada Kebawah DYMM dalam menyampaikan hasrat yang mulia itu selain daripada ketaatan, pendirian dan kehidupan yang berpegang tegoh dalam unsur2 Islam".

Semoga dengan itu akan sempurna-lah masyarakat dan negara kita dari kemusnahan, yakni dalam kita melipat-gandakan usaha dan tenaga pada memperbanyakkan tenaga2 berkemahiran dalam bentuk dzahir, perlu-lah juga kita perimbangi kekuatan bathin ia-itu iman dan ketaqwaan diri kita dengan kekuatan unsur2 Islam. Saperti mana peringatan Allah s.w.t. dalam firman-Nya: 'Sekira-nya penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa, sesungguhnya akan Kami melimpah-ruahkan berkat (kemakmoran) dari langit dan bumi. Akan tetapi mereka mendustakan, lalu Kami siksa mereka dengan apa yang mereka lakukan.' (Surah Al-Araf: 97).



PERTUNJOKAN Pertanian Daerah Belait telah di-adakan di-Steshen Pertanian Sungai Liang pada 17hb September yang lalu. Pertunjukan yang di-adakan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan itu di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian Daerah Belait.

Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib telah merasmikan pertunjukan tersebut dan menyampaikan hadiah kepada pemenang2. Gambar kiri Dato Setia Abdul Rahman dengan di-iringi oleh Pengarah Pertanian dan Pengerusi Pertunjukan ketika menyaksikan hasil tanaman yang di-tunjukkan dalam pertunjukan tersebut.

Sementara pertunjukan yang sama juga akan di-adakan di-Pusat Pertanian Kilanas pada hari Ahad 1hb Oktober.

Usaha penduduk2 Kampong Kapok dapat hasil yang menggalakkan

PEKAN MUARA. — Ketua2 Kampong boleh dan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam pelaksanaan rancangan2 kemajuan pertanian di-negeri ini. Ini dapat dilihat dari hasil2 yang di-peroleh dari kebun sayur2an para penduduk Kampong Kapok yang telah di-usahakan semenjak pertengahan bulan Jun tahun ini dengan pimpinan yang gigih dan tidak putus2 dari Ketua Kampong mereka. Kebun sa-luas satu ekar itu, yang berdekatan dengan sawah padi Kampong Kapok telah di-ranchang bersama oleh Ketua Kampong Kapok dan Jabatan Pertanian Chawangan Pengembangan Pertanian Daerah Brunei/Muara, yang juga bertanggung-jawab dalam mengadakan

bantuan2 dan perkhidmatan2 pertanian, saperti jentera2 pembajak, baja, benih, racun2 musoh dan ubat2 penyakit tanaman dan saumpama-nya di-samping memberi nasehat teknikal.

Sa-bagai peserta2 yang baru dalam arena perkebunan sayur para penduduk Kampong Kapok memang menyedari tentang kekurangan2 mereka dan oleh hal yang demikian mereka bersedia untuk bertukar2 pengalaman dan pengetahuan dengan rakan2 sa-perjuangan yang lebih mahir dan berpengalaman lagi. Ini ternyata apabila mereka menyambut satu rombongan sa-ramai 30 orang penanam2 sayur dari Kampong Tanah Jambu di-kebun mereka pada hari Selasa, 19hb September, 1978.

Dalam menyedari serba kekurangan yang mereka hadapi para penduduk Kampong Kapok tidak pula segan untuk bertarong kemahiran dengan penanam2 sayur lain di-Daerah Brunei/Muara, khas-nya penanam2 kobis, apabila mereka menyatakan hasrat mereka untuk menyertai Pertunjukan Pertanian Daerah Brunei/Muara Kali Ke-4 yang akan berlangsung di-Steshen Pertanian Kilanas pada hari Ahad 1hb Oktober.

Ada-lah di-harapkan agar pimpinan yang tidak kenal jemu dan kepatihan terhadap pimpinan yang masing2 di-tunjukkan oleh Ketua dan penduduk2 Kampong Kapok akan dapat di-chontohi di-Kampong2 yang lain di-negeri ini.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 21hb September, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. UDANG KERING — \$5.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.
3. MINYAK MAKAN (Chap Bunga) 3 kati — \$3.80 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
Lam Seng,
No. 3, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

1. UDANG KERING — \$6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
(a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.
(b) Eng Soon Seng,
No. 58, Jalan Pretty.
(c) Foh Soon,
No. 60-A, Jalan Pretty.
(d) S.S. Sa'ndiah,
No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.
(e) Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.70 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
(a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.

- (b) Chin Fatt,
No. 60, Jalan Pretty.
3. MINYAK MAKAN (Chap Bunga) 3 kati — \$3.80 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.

SERIA

1. UDANG KERING — \$6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
(a) Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
(b) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
(c) Hui Guan,
No. 48-B, Jalan Bunga Kunng.
(d) Siong Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.60 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
(a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
(b) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
(c) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
(d) Siong Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
3. MINYAK MAKAN (Chap Bunga) 3 kati — \$3.80 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hudson Company,
No.31, Jalan Sultan Omar Ali.

26 orang penuntut jalani ujian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 26 orang penuntut dari Sekolah Inggeris Berakas telah menjalani latihan ekspedisi Skim Pengiraan Duke Edinburgh pada minggu lalu. Ekspedisi itu merupakan persiapan bagi ujian akhir untuk pingat gangsa skim tersebut.

Latihan yang telah di-adakan di-Pantai Tungku itu termasuklah pembenaan khemah, memasak, membuat unggun api, menggunakan kompas, mem-

bacha peta, bantuan kechemasan dan kod kemalangan serta perkhidmatan kemasharakatan.

Ujian2 untuk memilih para peserta bagi pingat tersebut akan di-adakan lagi mulai hari Jumaat.

Sa-jauh ini lebih 100 orang penuntut dari Sekolah Inggeris Berakas menjadi ahli skim itu dan Sekolah Inggeris Sufri Bolklah, Tutong merupakan sekolah terbaru menyertai skim tersebut.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 2hb hingga 5hb Okt 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	2.10.1978	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	2.10.1978	Isnin	3.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	3.10.1978	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	3.10.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	4.10.1978	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	4.10.1978	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	4.10.1978	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	4.10.1978	Rabu	11.30-12.00 T-Hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	5.10.1978	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara	5.10.1978	Khamis	4.30- 5.30 "

High Commissioner leaves Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah thanked the British High Commissioner, Mr. James Davidson, for his services to Brunei especially for his part in negotiations between Brunei and the United Kingdom.

His Highness hoped that the existing friendship between the two governments will continue to prosper.

His Highness was speaking at a banquet held at the Istana Darul Hana here in honour of Mr. Davidson who left for London last Wednesday at the end of his tour of service.

In his speech Mr. Davidson said that he had enjoyed his stay in Brunei and would fondly remember the many memorable events during his tour of service in the State.

Mr. Davidson, who served in Dacca before coming to Brunei four years ago, has been appointed Governor of the Virgin Islands in the Caribbean.



MR. Davidson shaking hands with the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa who was among the many state dignitaries, senior government officials and members of the British community in Brunei at the International Airport to say good bye to Mr. and Mrs. Davidson.

Also in the picture are the Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, the hon'ble State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, the Attorney-General Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, the Controller of

Customs and Excise, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, the hon'ble State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee and Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohammad Yusof.

Earlier Mr. Davidson received the Royal Salute and inspected a Guard-of-Honour mounted by members of the Royal Brunei Malay Regiment. The Regimental band was in attendance.

ANTI MEASLES DRIVE BEGINS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Medical and Health Department last Tuesday began a mass immunisation campaign against measles.

The three-month long campaign is aimed at reducing the unprecedented number of measles cases which this year totalled more than one thousand and two hundred as at the end of July.

A Medical and Health Department statement last

month said that the only effective means of controlling the disease is to protect the population by immunisation.

During the campaign, all children and students will be given vaccination against measles at all child welfare clinics and schools throughout the State.

Parents are urged to cooperate by taking their children to the nearest clinic for immunisation.

Anti - TB campaign

TUTONG TOWN. — More than two thousand residents of the Tutong District have been registered for a series of X-Rays to be taken as part of an anti-tuberculosis campaign since the registration started two weeks ago.

The registration is done by a team from the Medical and Health Department headed by Yang Amat Mulia Pengiran Laila Perkasa Pengiran Haji

Mohammad Said, Awang Adinin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim and the Tuberculosis Specialist, Dr. Arthur Sinatambay.

The first stage of registration is expected to end this week with the X-Rays scheduled to be taken at the Tutong Hospital beginning next Monday.

By mid-November all the X-Rays will have been

taken and the second stage of registration will then commence in the more remote kampongs of the district.

It is expected that some three thousand five hundred and seventy people will be registered in the second stage and that X-Rays will be done by the X-Ray Mobile Unit.

The anti-tuberculosis campaign will eventually be extended to the other districts.

Engineer off to U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — An engineer with Radio Television Brunei, Awang Sapawi bin Bolkiah, last Friday left for the United Kingdom for further studies.

Awang Sapawi will be taking a Master's degree course in Digital Electronics and Communications

Engineering for a year at the University of Bradford.

Awang Sapawi had already been to the United Kingdom some years ago when he obtained a Bachelor of Technology Honours Degree from the Loughborough University of Technology in Leicester.



A member of the team taking down the particulars of the Ketua of Kampong Sengkarai, Awang Badaruddin bin Senudin.

30 more receive Judo belts

JALAN MUARA. — The Acting Commissioner of Police, Dato Seri Laila Jasa Awang C.T. Miller last Saturday presented judo belts and certificates to thirty male recruits of the Royal Brunei Police Force at the Police Training Centre here.

Twenty-eight of the recruits received the orange belts while the other two were awarded the yellow belts.

The presentation brought the total to nearly two thousand the number of judo belts awarded to members of the police force.

The figure included a considerable number of black and brown ones.

Eight to represent B.M. District

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Muara District has selected eight primary schools to represent it at the state-level traffic games competition here on October 15.

The eight were chosen from among thirty schools which took part in the preliminary competitions held last Friday at the compound of the police station here.

The competitions are organised by the Brunei Shell Petroleum Company and aimed at making the youngsters more road safety conscious.

Silver, gold coins still available

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Currency Board has announced that a limited number of proof quality ten dollar silver coins and one thousand dollar gold coins are still available for sale to the public.

The silver and gold coins were issued in commemoration of the tenth anniversary of the board and His Highness the Sultan's coronation respectively.

Each silver coin is being

sold at fifty-five dollars and a gold coin at one thousand four hundred dollars.

The coins can be bought from the office of the Brunei Currency Board, State Secretariat, here during working days.

Badminton tourney

LUMAPAS. — The Kampong Lumapas Youth Association is organising a badminton tournament as part of His Highness the Sultan's thirty-second birthday celebrations in the kampong.

The tournament which will start in the middle

of next month is open to youth associations and kampongs in nearby areas including the Kampong Ayer.

Entry forms are available from Awangku Abu Samah bin Pengiran Ismail at Kampong Lumapas or

from Awang Yunus bin Haji Kamis at the Lumapas Malay School.

The forms can also be obtained from Awang Aninuddin bin Haji Puteh at the Medical and Health Department in Bandar Seri Begawan.



WORK is currently in progress on a project to improve the drainage system along Jalan Berakas.

The project, above, costing some three hundred thousand dollars involves the construction of ten thousand feet of new drains and the widening of present ones, and is expected to be completed early next year.

KOMUNIS MUSOH UGAMA DAN UMAT ISLAM

Siri kelapan

TIDAK ada suatu perkara lain yang lebih baik bagi umat Islam menyelamatkan diri dan ugama-nya, kechuali dari sebarang berusaha mengenali musuh sa-chara yang agak terperinchi. Maksud saya dengan *terperinchi* di-sini, ia-lah mengetahuinya bukan sahaja sa-takat gerak2 mereka yang berterang2an, tetapi amat perlu pula di-perhatikan taktik dan ranchangan2 mereka yang halus, yang tidak jelas, tidak nampak atau kurang terasa kesan2-nya. Tetapi itu-lah sa-benar-nya ranchangan yang amat merbahaya, kerana *target-nya* jauh dan mudah sekali. Ia menyerang tidak seperti api yang kelihatan marak menyala, menyambar dan memusnahkan dengan chepat. Tetapi serangan2 musuh yang beranchana, biasanya seperti anai2, tau2 kayu yang kulit-nya maseh chantek akan patah dan merabok. Dan pada ketika itu-lah, baru kita tau dan akan datang kesal serta perasaan sangat terkejut.

Maka berdasarkan ini, kita perlu-lah tahu, perlu benar2 kenal siapa-kah musuh2 Islam yang merbahaya itu, baik mereka yang sechara *gentleman* berani melihatkan taring-nya ataupun yang bersifat seperti anai-anai yang bersembunyi dan makan di-dalam.

Dalam Persidangan Islam Asia Yang Pertama, kedengaran-lah suara2 bimbang berchampur harapan dan semangat umat, agar sekalian yang bernama musuh Islam itu dapat di-chegah dari mero-sakkan 'akidah dan chara hidup kita orang2 Islam. Kerana kalau tidak, berma'ana kita terdedah kepada kemusnahan dan kehinaan yang tidak layak kita menerima-nya. Demikian juga persidangan2 yang telah di-adakan sebelum ini, seperti misalnya Persidangan Pertubuhan2 Islam yang di-adakan di-Mekah Al-Mukar-ramah dalam tahun 1394/1974 telah merumuskan

beberapa perkara penting, antara-nya menditailkan golongan2 yang menjadi *musoh ugama dan umat Islam*. Musoh2 itu ia-lah *Communism, Qadianism* atau *Ahmadism, Bahaism, Free Masonary, Zionism, Missionary Activities dan Secularism*.

Berikut di-sini saya akan chuba memperkatakan dengan rengkas anasir2 tersebut sa-bagai pengenalan yang saya maksudkan awal2 tadi. Mula2 mengenai *Communism*.

Communism ada-lah satu fahaman atau filsafat yang berdasarkan *histories-materialism* (fahaman kebendaan yang berdasarkan sejarah). Dalam tahun 1847 M. Karl Marx (1818-1883) bersama2 Engels (1820-1895) telah mengarang sa-buah manifesto untuk perkumpulan di-London. Manifesto itu antara lain menyebut *bahawa sejarah manusia semenjak dunia ini terkembang ada-lah sejarah perjuangan kelas lawan kelas. Perjuangan antara golongan atasan dan majikan dengan kaum buroh dan pekerja*, di-mana menurut keyakinan mereka golongan kedua ini-lah (buroh dan pekerja) yang akan menchapai kejayaan pada akhir-nya. Kehanchoran golongan atasan atau pertengahan dan majikan (*bourgeois*) pasti tidak akan dapat di-elakkan lagi, dengan berpindah-nya kekuasaan itu ka-tangan golongan buroh dan pekerja (*proletariate*). Sebab itu, mempercepat wujud-nya chita2 ini, dalam tahun 1864 Karl Marx telah menganjurkan sendiri supaya di-tubuhkan sabuah Persharikatan Kaum Pekerja Antara Bangsa yang bertempat di-London, *International Working Men's Association*.


Menurut manifesto tahun 1847 itu, bahawa pergerakan kaum buroh itu ada-lah pergerakan kemerdekaan dari bahagian

yang terbanyak untuk kepentingan golongan yang terbanyak. Revolusi bagi mereka, tidak boleh tidak mesti timbul, seperti suatu undang2 alam. Dan di-akhir manifesto itu juga terdapat suatu kenyataan yang ganjil, ia-itu sekalian kaum buroh itu tidak ada tanah ayer, kerana itu pula ia tidak-lah perlu takut akan sebarang kehilangan. Semboyan-nya yang mashor berbunyi: "Kaum buroh dan pekerja seluroh dunia, bersatu-lah!"

Inti dasar aliran ini ia-lah teori perasaan tulin. Sama rata, sama rasa. Ia menuju kepada penghapusan hak milek perseorangan. Dengan ini mereka mengharapakan terchiptanya kebahagiaan dan keadilan umom kalangan masharakat, masharakat komunis, masharakat tanpa kelas.

Mengapa *communism* tidak mengiktiraf hak milek perseorangan? Jawap-nya kerana mereka berpendapat, bahawa segala harta benda di-dunia ini ada-lah di-hasilkan oleh kaum pekerja, kerana itu tidak-lah wajar dan layak ia-nya di-letakkan ka-tangan orang perseorangan. Sama hal-nya dengan bahagian2 alam seperti ayer, udara, tanah, api, bukit-bukau, gunung-ganang, pokok2, sungai2 dan lain2 lagi tidak-lah boleh menjadi milek perseorangan atau hak peribadi. Perkara ini sangat2 di-tentang oleh keadilan komunis. Kerana itu, apa jua milek yang dipegang oleh orang perseorangan, di-anggap oleh mereka sa-bagai harta churi atau rampasan.

Tidak ada persoalan lain dalam *communism*, melainkan mengenai benda semata2. Falsafah-nya ia-lah falsafah kebendaan tulin. Sejarah ada-lah satu tafsiran dan pandangan hidup yang segala2-nya itu berpuncha dari benda, dan bahkan masharakat manusia itu sendiri ada-lah



benda. Ia menolak adanya zat yang ghaib, yang tidak nampak seperti Tuhan, Malaikat, Hari Akhirat dan lain2. Bagi orang2 komunis, Allah Ta'ala itu tidak ada. Ada-nya Allah hanya-lah semata2 di-adakan oleh manusia yang lemah. Roh juga bukan-lah suatu benda yang berdiri sendiri, bahkan ia-nya satu keluaran atau penghasilan dari benda. Pendek-nya, penjelasan tentang pendirian komunis terhadap ugama ini, tersimpul dalam ucapan Marx: "*Bahawa ugama itu semata2 leluhuran dari makhlok yang tertindas, jiwa dari keadaan yang tidak bersemangat, dan chandu kapada ra'ayat.*"

Ajaran Karl Marx atau komunis tidak lain semata2 berdasarkan *histories-materialism*, di-mana hanya faktor ekonomi, faktor benda sahaja yang menjadi perkara utama dan tunggal. Keperluan benda, itu-lah yang mutlak, kerana ia di-anggap menentukan jalan-nya sejarah manusia. Dan kerana itu pula-lah kaum buroh dan pekerja di-segenap pelusok dunia, yang rata2 merasa diri-nya miskin dan tertindas ramai yang tertarek dengan teori2 Marx ini, sa-hingga dalam sa-buah encyclopedia ada di-sebut bahawa apa2 yang termaktub dalam manifesto komunis itu telah menjadi dasar parti2 komunis dan sosialis, kechuali Parti Buroh Inggeris. Ia di-salin ka-dalam segala bahasa di-dunia.

Hari ini ideologi tersebut telah menguasai Rusia, China, Poland, Rumania, Hungary, Bulgaria, Czechoslovakia, Albania, Vietnam, Laos, Kemboja dan lain2 lagi. Di-samping itu banyak pula negeri2 yang sedang di-ancham oleh propaganda dan fahaman yang sesat ini. Hasil dari propaganda2 yang jahat itu menimbulkan kekachauan2 serta *subversive*. Di-setengah2 negeri, ra'ayat terpaksa menderi-

ta oleh serangan2 agresif mereka yang ganas, yang memusnahkan jiwa dan harta benda. Di-Indonesia, pengaruh komunis itu telah mula masuk semenjak tahun 1920 lagi, sementara di-Malaysia pula dalam tahun 40an. Di-antara mereka yang turut berperangkap menerima ideologi itu ia-lah orang2 Melayu sendiri, suatu tragedi malang kapada umat Melayu dan orang2 Islam. Kemenangan komunis di-Kemboja serta kejayaan tentera Viet Cong di-Vietnam dalam bulan April tahun 1975 nampak2-nya meniupkan semangat baru kapada perjuangan2 ganas komunis di-Thailand dan Malaysia.

Apa-kah kita orang2 Islam akan tutup mata sahaja dengan keadaan ini? Tidak! Pertama yang pokok, fahaman ini, ya'ani *communism* ada-lah satu falsafah kufur dan anti Tuhan, anti ugama dan anti orang2 Islam. Dalam sejarah dan kenyataan-nya, bukan sahaja ugama itu di-chela dan di-chachi, bahkan orang2 yang berugama, yang menganut Islam itu juga, di-mana2 sahaja dalam negara yang di-kuasai oleh komunis, mereka itu di-buru dan di-siksa. Ulama2 di-bunuh dan masjid2 di-ruboh atau di-jadikan markas tentera dan muzium. Dan hakikat ini pula yang telah mendorong sa-orang peserta Persidangan Islam Asia Yang Pertama, Yuseff Wali Shah Awral Kirai berchakap hampir sa-jam membentangkan nasib malang orang2 Islam di-dalam enam buah negara yang dikuasai oleh komunis.

Materialism komunis ada-lah musuh mutlak yang tidak dapat di-damaikan dengan ugama. Falsafah Marxist perchaya, *bahawa benda itu sifat-nya abadi, ia tidak pernah di-chipta oleh sesiapa pun, dan bagi-nya tidak ada apa2pun di-sebalek 'alam yang ada ini.*

Orang komunis tahu, bahawa matalamat mereka hanya akan terchapai sa-sudah ugama tidak lagi menjadi pegangan dan dasar hidup manusia. Sebab itu salah satu cheri perjuangan mereka yang terpenting ia-lah menghapuskan ugama.

Dalam siri akan datang, akan saya chuba memperkatakan bagaimana teori komunis tentang hak milek itu sebenar-nya ada-lah salah, sedang sebak-nya ugama Islam yang mengakui hak2 perseorangan itu telah membuktikan ia-nya lebih ideal dan betul.

(BERSAMBONG)

TELAH banyak perkara dalam zaman yang di-katakan serba maju ini membokikan, bahawa apa yang di-sebut maju itu tidak chukop untuk memberi kesenangan kepada manusia, bahkan kadang2 ada yang mendatangkan bahaya kepada mereka. Kerana itu, jalan menchari bahagia itu perlu-lah di-chari, ia-itu melalui pengenalan kepada diri sendiri, mengenal hakikat diri: dari mana datang dan untuk apa? Dengan berbuat demikian itu, maka manusia baharu akan terjamin dapat membatasi kehendak2 dan hawa nafsu-nya.

Dari mana-kah manusia datang?

Jawab-nya daripada Allah. Allah yang menjadikan manusia dari unsur tanah, kemudian dari *نطفه* yang hina, sebagaimana firman-Nya dalam Surah As Shajadah ayat 7 hingga 9 yang bermaksud: "*Dia (Allah) mula menjadikan manusia itu dari tanah, kemudian turun-nya zuriat-nya dari notfah yang hina,*

MANUSIA DI-JADIKAN UNTUK BERIBADAT

KHUTBAH JUMAAT



kemudian Dia sempurnakan kejadian-nya, dan dimasukkan roh, serta Dia jadikan pendengaran, penglihatan dan akal fikiran. Tetapi (malang) sedikit benar dari kalangan kamu orang2 yang bersyukur atas nikmat Allah yang amat mahal itu".

Atas perkara ini, patutlah bagi tiap2 orang menyedari-nya supaya dapat memberi nilai yang tepat terhadap nikmat dan rahmat Allah yang begitu besar.

Kemudian kita bertaunya: Untuk apa-kah pula

manusia di-jadikan? Jawapan kepada soalan ini amat-lah mustahak, kerana jika kita tidak tahu atau salah memberikan jawapan-nya, maka boleh menyebabkan perkara2 yang tidak di-ingini berlaku, kachau dan kusutlah hidup, yang berakibat dari salah gunakan hidup itu sendiri. Apabila sa-seorang menyalah-gunakan hidup-nya, atau menyelewing dari tujuan yang sebenar2-nya, maka jadi-lah hidup itu tidak ada beza dengan hidup kayu atau batu atau haiwan. Kerana itu, dalam Al-Kor'an

husus di-beritahukan hal ini, supaya manusia mempunyai pegangan dan matlamat. Firman Allah Ta'ala yang bererti: "*Tidak-lah Aku jadikan makhluk jin dan manusia itu melainkan semata2 untuk beribadat kepada Aku*".

Dari maksud ayat ini jelas, bahawa beribadat itu ada-lah merupakan tugas utama yang wajib, yang sebagaimana telah selalu di-tegaskan ada-lah luas, meliputi semua chara dan kegiatan hidup, bukan terbatas kepada sembahyang,

puasa, berzakat dan naik haji sahaja, tetapi apa jua chara mengabadikan diri kepada Allah, beramal kerana Allah, termasuk segala perbuatan, perkataan dan urusan sehari2. Makan dan pakai, berjalan, bergaul, menjalankan tugas dan kewajipan samada di-rumah, di-ladang, di-pejabat, di-jalan raya, di-pasar, di-masjid dan lain2. Semua itu hendak-lah dikerjakan dengan niat, dengan mengikut dan berpandukan hukum2 Allah dalam bentuk surohan dan larangan-Nya. Hukum ini tidak boleh di-langgar, walau apa pun keadaan dan di-mana jua kita berada. Hukum Allah bukan hanya berjalan di-masjid dan di-surau2 atau di-negeri tertentu, tetapi di-mana2 jua.

Oleh itu, tidak-lah masuk gulungan orang2 yang mengabadikan diri kepada Allah, sesiapa jua yang berbuat baik sahaja, atau memileh2 waktu lapang dan senang sahaja, atau pun sebakel-nya, orang hanya mahu mengingat Allah dan mengikut hukuman-Nya dalam masa ia di-timpa kesulitan, sementara jika berada dalam mewah dan senang, ia lupa dan melakukan derhaka.

Mempererat tali silatul-rahim ada-lah sifat terpuji

ALLAH s.w.t. telah berfirman di-dalam surah Al-Hujurat potongan ayat 13 bermaksud kira2: "*Hai manusia Sesunggoh-nya Kami menchipta kamu dari sa-orang laki2 dan perempuan, dan Kami jadikan kamu beberapa bangsa dan suku2 bangsa, supaya kamu saling kenal mengenali antara satu sama lain*".

Dalam firman ini Allah s.w.t. telah menerangkan kepada kita, bahawa kita ini di-chiptakan bersuku2, berpuak2 dan berbangsa2 dari lelaki dan perempuan di-suroh untuk kenal mengenali antara satu dengan yang lain, kita tidak di-suroh hidup dengan menyendiri saja. Dari sini-lah nanti lahir suatu masyarakat yang kukoh, faham memahami, bertolak ansor dan bertimbang rasa.

Sementara itu dalam sebuah hadith yang telah di-riwayatkan oleh Imam Bukhari, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "*Barang siapa ingin murah rezeki dan panjang umurnya, maka hendaklah mempererat tali hubungan silatul-rahim.*" Jadi untuk menuju ka-matlamat ini, ikatan tali persaudaraan ada-lah sangat mustahak dan perlu.

Sa-telah terpupok perkenalan dan persaudaraan yang erat sejati, jangan-lah chuba2 untuk di-retakkan, di-renggangkan,

dan seterusnya di-putuskan kerana jika kita berbuat demikian kita tidak akan di-pandang oleh Allah s.w.t. di-hari kiamat nanti. Ini dapat di-buktikan dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang telah di-riwayatkan oleh Ad-Dailami yang bermaksud kira2: "*Dua orang yang tidak di-pandang Allah di-hari kiamat nanti ia-lah orang yang memutuskan tali silatul-rahim dan tetangga yang jahat budi*". Jadi jika kita tidak mahu perkara yang sa-macam ini menimpa ka-atas diri kita, maka elakan diri dari bersikap ingin mahu memutuskan tali silatul rahim.

Tapi, kalau kita maseh juga bersikap hati batu atau pun 'gagah' dengan pendirian kita yang maseh juga ingin memutuskan-nya dan berani pula mengatakan 'itu hal ku, akan ku tanggung ia sendiri', maka jangan-lah pula kita chuba2 untuk mempengaruhi diri orang lain yang tidak kena mengena dan tahu menahu, untuk tidak menyukai orang yang kita tidak sukai itu. Ini akan menyebabkan perbelahan yang sa-makin menjadi2.

Bagi orang yang di-pengaruhitadi, sa-patut-nya-lah jangan menerima bulat2 akan pengaruh

itu. Selidiki dan teliti dahulu dengan sa-halus2-nya, akan buruk baik-nya, benar tidak-nya akan menjadi sesalan di-kemudian nanti. Jika ternyata orang yang mempengaruhi itu bersalah, maka beri-lah ia pandangan yang berupa nasehat, dan seterusnya bawa-lah ia kembali ka-pangkal jalan, sa-belum tersesat ka-hujung jalan.

Sikap supaya tidak berpehak ka-mana2, orang yang bersalah ini memang-lah suatu sikap yang patut di-tanamkan di-sanubari kita, kerana dengan-nya kita akan dapat menyelamatkan diri dari api neraka. Hal ini dapat kita buktikan dengan terang dan jelas dalam firman Allah s.w.t. surah Hud ayat 113 yang bermaksud kira2: "*Dan jangan-lah kamu memihak kepada orang2 yang bersalah supaya kamu jangan di-singgong api neraka; kamu tidak mempunyai pelindung sa-lain dari Allah, dan kamu tidak akan di-*

GAMBAR bawah menunjukkan sa-bahagian dari 13 orang penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang telah menjalani Khatamal Kor'an yang telah berlangsung di-surau maktab tersebut pada hari Sabtu lalu.



Bingkisan minggu ini

tolong". Begitu-lah peringatan dari Allah s.w.t.

Untuk mencapai ka-suatu matlamat hidup yang bermasharakat, maka jangan-lah hendak-nya kita memutuskan ikatan tali silatul rahim yang telah terikat dengan erat dan sejati. Malah chuba-lah pula untuk menambat dan mengikat kepada yang belum terikat lagi. Dan lagi jangan-lah kita berpehak kepada orang2 yang ternyata bersalah, tapi sa-balek-nya, memandu-nya ka-suatu jalan yang betul. Kemudian itu, tanamkan-lah perasaan bertolak ansor, pandai mengambil dan menjaga hati sa-seorang. Dengan itu nanti akan terjalin-lah suatu masharakat yang kokoh dan bersefahaman.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27hb September, 1978 hingga ka-hari Selasa 3hb Oktober, 1978 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27hb Sept	12.18	3.35	6.21	7.33	4.36	4.51	6.08
28hb Sept	12.18	3.35	6.21	7.33	4.36	4.51	6.08
29hb Sept	12.18	3.35	6.21	7.33	4.36	4.51	6.08
30hb Sept	12.18	3.35	6.21	7.33	4.36	4.51	6.08
1hb Okt	12.16	3.33	6.17	7.31	4.35	4.50	6.07
2hb Okt	12.16	3.33	6.17	7.31	4.35	4.50	6.07
3hb Okt	12.16	3.33	6.17	7.31	4.35	4.50	6.07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SENARAI PENERBANGAN JEMA'AH HAJI

PENERBANGAN PERTAMA — KUMPOLAN PERTAMA

4hb Oktober
Jam 10.30 pagi

Pegawai Perhubungan Haji:
Awang Haji Yahya bin
Haji Ibrahim

Haji Tungkat bin Haji Tamit, Pengiran Haji Mohd Daud bin Pengiran Haji Abd Rahman, Aisah binte Haji Ismail, Dayangku Zaliha binte Pg Haji Mohamad Daud, Dayangku Zainab binte Pg Haji Md Daud, Pengiran Piut bin Pengiran Haji Abd Rahman, Ani binte Sitam, Besar binte Abdul Kadir, Dayangku Mariani binte Pengiran Haji Sulaiman, Haji Mahali bin Mustapa, Siti Minah binte Haji Mohd Noor, Marzinah binte Haji Mahali, Hajjah Mariam binte Yusof.

Jauyah binte Dollah, Encik Angas bin Burut, Limah binte Haji Ahmad, Ibrahim bin Ghani, Mas Jaiton binte Haji Johan, Abdul Hamid bin Udin, Siti Alam binte Mohd Noor, Udin bin Jafar, Simpol binte Tarif, Pengiran Malik bin Pengiran Haji Besar, Johari bin Tamin dan Maimunah binte Ambak.

PENERBANGAN PERTAMA — KUMPOLAN KEDUA

5hb Oktober
Jam 9.00 pagi

Pegawai Perhubungan Haji:
ASP Pengiran Salim bin
Pengiran Wahid

Matusin bin Puteh, Serudin bin Abdul Razak, Aminah binte Ahmad, Metassim bin Haji Ahmad @ Haji Mohd. Kassim bin Haji Ahmad, Amalina binte Haji Mohd. Kassim, Rapihah binte Ghani, Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Daud, Pengiran Alimah binte Pengiran Othman, Pengiran Salmah binte Pengiran Mahmud, Awangku Damit bin Pengiran Othman.

